

Pelajar Interim UMS anjur Program Transformasi Komuniti

UB P.G.2016 B4

KOTA KINABALU: Satu program khidmat masyarakat telah diadakan baru-baru ini bertempat di Kampung Baru Jumpa, Tenom anjuran 35 pelajar kursus kokurikulum berkredit Interaksi Mahasiswa dan Masyarakat (Interim), Semester II, Sesi 2015-2016.

Program yang bertemakan 'Changing Lives, Transforming Community' itu melibatkan seramai 150 pelajar sekolah rendah, menengah serta warga penduduk kampung berkenaan.

Antara aktiviti utama program adalah Klinik Bahasa Inggeris yang bertujuan membantu para pelajar sekolah berkomunikasi serta menguasai ilmu Bahasa Inggeris dengan lebih baik.

Selain itu, aktiviti berkait semangat patriotisme dan uniti telah turut diadakan, antaranya mural painting, nyanyian lagu patriotik serta pertandingan mencipta logo hari kebangsaan yang bertujuan menyemai rasa sayang dan cintakan negara Malaysia dalam kalangan warga kampung.

Pengarah Program Dayang Norain berkata selain mengeratkan tali silaturahmi, program itu bertujuan meningkatkan keperibadian serta mengasah kemahiran asas insaniah para pelajar UMS yang menjadi nadi utama dalam pembangunan modal insan negara.

Sementara itu, jurulatih

program Amer Azlan Abdul Jamal berpendapat program seperti itu menawarkan peluang kepada para pelajar UMS untuk berbakti kepada masyarakat mengikut bidang kepakaran yang mereka pelajari di universiti.

"Sebagai contoh, aktiviti Klinik Bahasa Inggeris telah dirangka dan dijalankan oleh para pelajar yang mengambil jurusan TESL, Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Manakala operasi aktiviti mural painting pula telah dirangka oleh para pelajar daripada jurusan Seni Kreatif. Para pelajar kita ini datang dari pelbagai bidang, dan merupakan satu aset yang mana amat rugi jika tidak kita gunakannya untuk manfaat komuniti setempat," katanya.

Aktiviti kemuncak program itu adalah pembinaan sebuah perpustakaan mini yang telah mendapat tajaan berupa dana dan bahan bacaan daripada syarikat komunikasi Celcom Timur Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah serta beberapa syarikat tempatan yang lain.

Perpustakaan itu telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Kewangan (CFO) yang mewakili Celcom Timur Sabah, Shaharul Niza Mohamad serta Ketua Kampung Baru Jumpa, Yamuk Acho.

Yamuk yang mewakili pihak kampung menzahirkan rasa syukur serta terima kasih kepada para pelajar UMS kerana telah memilih kampungnya sebagai destinasi program khidmat masyarakat kali ini.



SIMBOLIK perasmian perpustakaan mini oleh Yamuk.



(Gambar atas) **RUANG** perpustakaan mini yang telah disiapkan para pelajar Interim UMS.



(Gambar kanan) **AKTIVITI** Klinik Bahasa Inggeris sedang dijalankan.



KANAK-kanak gembira dengan kehadiran pelajar UMS.



PARA pelajar Interim UMS bergambar di hadapan pintu masuk Perpustakaan Mini Kampung Baru Jumpa.